

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 21 JANUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	WARTA KAWASAN PENANAMAN PADI, NEWS, HARIAN METRO (AHAD) -27 SEGERA SELESAI ISU PEMBEKALAN BAJA SUBSIDI PADI, NEWS, HARIAN METRO (UTARA) -27 KUAT KUASA WARTA SAWAH, ISU, BH -12 6 KAWASAN TAMAN KEKAL PERTANIAN PERAK DIMAJUKAN, ISU, BH -12 KELEMAHAN AGENSI PUNCA KELUARAN PADI BERKURANGAN, ISU, BH -12 CARI SEGERA KAEDAH LINDUNG INDUSTRI PADI NEGARA, MUKA SEPULUH, BH -10 MINISTRY TO COLLECT BIG DATA TO DEVELOP NEW TYPE OF PADDY TO INCREASE PRODUCTION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A11 LAND FOR PADDY PLANTATION REDUCING, NATION, CHINA PRESS -A15 MAKANAN LAUT CUKUP: MENTERI, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -24 BEKALAN MAKANAN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA MENCUKUPI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
11. 12.	SPRAY AND NEUTER STRAYS TO CURB RABIES, SAY ACTIVISTS, NEWS, STAR -4 ADOPT, DON'T NEUTER AND RELEASE, VIEWS, STAR -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13.	PEKERJA RUMPAI LAUT DITAHAN, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	SASAR LAHIR 1,500 USAHAWAN, NEWS, HARIAN METRO (JOHOR) -27	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
15. 16.	AKAR PUTRA BEBAS BAHAN KIMIA, MEGA SAINS, UM -28 BETSOL SUMBANG DANA PENYELIDIKAN AYAM KAMPUNG, MEGA SAINS, UM -29	LAIN -LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Warta kawasan penanaman padi		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	21 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,701
Page No	27	Readership	14,103
Language	Malay	ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,990



**Johor Bahru**

## **Warta kawasan penanaman padi**

Penguatkuasaan pewartaan semua kawasan tanaman padi dilihat jalan penyelesaian terbaik bagi menangani masalah keluasan sawah yang semakin mengecil di Kedah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihak kementerian mencadangkan kepada kerajaan negeri (Kedah dan Perlis) untuk mewartakan semua kawasan tanaman padi di negeri masing-masing.

Katanya, cadangan itu juga dikemukakan dalam Mesyuarat Tanah Negara baru-baru ini dalam usaha kementerian menangani masalah itu.

“Seawal memasuki kementerian ini, saya menyatakan kebimbangan terhadap isu pengurangan kawasan jelapang padi dan cadangan dibawa ke Mesyuarat Tanah Negara.

“Pihak negeri (Kedah dan Perlis) juga perlu ambil perhatian

dan saya memberi cadangan disebabkan tanah di bawah hak negeri. Kerajaan negeri perlu ada usaha mewartakan semua kawasan sawah,” katanya selepas menghadiri Program Keusahawanan dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Johor Corporation (JCorp), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), semalam.

**SALAHUDDIN**



Headline	Segera selesai isu pembekalan baja subsidi padi		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	21 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,701
Page No	27	Readership	14,103
Language	Malay	ArticleSize	37 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,090
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,271



## **Segera selesai** isu pembekalan baja subsidi padi

**Alor Setar:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) diminta menyelesaikan isu pembekalan baja subsidi padi yang hingga kini belum diputuskan, walaupun sesi tanaman musim 1/2019 bermula tidak lama lagi. Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abd Lateh Mohd Saman berkata, pihaknya difahamkan kelewatan itu disebabkan keputusan kerajaan yang ingin melaksanakan kaedah tender terbuka yang sebelum ini diberikan secara rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).



Ms.12

Isnin, 21 Januari 2019 BH

## → ISU

## 6 kawasan taman kekal pertanian Perak dimajukan

**Ipoh:** Ada enam kawasan Taman Kekal Pertanian Malaysia (TPKM) di Perak membabitkan kawasan seluas 1,310.2 hektar dengan 602.5 hektar daripadanya sudah dimajukan.

Maklumat portal rasmi Jabatan Pertanian Perak menyatakan, ia membabitkan TPKM Sungai dan Slim di daerah Muallim, Gua Tempurung (Kampar), Titi Gantong (Perak Tengah), Lekir (Manjung) dan Puncak Baring (Gerik).

TPKM Sungai yang ditubuhkan pada 2001 mempunyai keluasan 420 hektar dengan 157.3 hektar sudah dimajukan dengan tanaman keledak dan sengkang, manakala TPKM Slim yang ditubuhkan pada 2004 berkeluasan 224.56 hektar dengan 204 hektar dimajukan dengan sayur-sayuran.

TPKM Lekir dengan keluasan 149 hektar dan ditubuhkan pada 2001 dimajukan dengan tanaman sayur-sayuran, manga, tembikai dan tanaman fertigas.

### TPKM Gua Tempurung

TPKM Gua Tempurung ditubuhkan pada 2006 berkeluasan 90.62 hektar dengan 40.47 hektar daripadanya dimajukan dengan tanaman sayur-sayuran, jagung serta pitaya atau lebih dikenali sebagai buah naga.

Untuk TPKM Titi Gantong, seluas 51.64 hektar daripada keluasan keseluruhan 66.02 hektar sudah dimajukan dengan tanaman jagung, sayur-sayuran dan tanaman fertigas.

Tiada maklumat diberikan mengenai TPKM Puncak Baring yang berkeluasan 360 hektar dan ditubuhkan pada 2009, dalam portal berkenaan.

Matlamat TPKM ditubuhkan ialah mewujudkan kawasan pengeluaran makanan kekal dan melahirkan usahawan di dalam sektor pertanian, di samping menggalakkan pembabit sektor swasta dalam bidang pengeluaran makanan.



Naib Presiden Kanan JCorp, Jamaludin Md Ali (kiri) bertukar dokumen dengan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh, sambil disaksikan Salahuddin pada program keusahawanan dan MoU di Johor Bahru, semalam.

## Kuat kuasa warta sawah

→ Kementerian beri cadangan atasi keluasan tanaman makin kecil

Katanya, cadangan itu juga sudah dikemukakan pada Mesyuarat Tanah Negara, baru-baru ini, dalam usaha Kementerian menangani masalah itu.

"Seawal memasuki kementerian ini, saya menyatakan kebimbangan saya terhadap isu pengurangan kawasan jelapang padi dan cadangan sudah dibawa ke Mesyuarat Tanah Negara.

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

**K**erajaan negeri mesti menguatkuasakan perwartaan kawasan tanaman padi sebagai penyelesaian bagi menangani masalah keluasan sawah yang semakin mengecil.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata kementerianya sudah mencadangkan kepada Kerajaan Kedah dan Perlis untuk mewartakan semua kawasan tanaman padi di negeri masing-masing.

### Ambil perhatian

"Pihak negeri juga (Kedah dan Perlis) perlu ambil perhatian dan saya sudah memberi cadangan disebabkan tanah di bawah hak negeri. Kerajaan negeri perlu ada usaha mewartakan semua kawasan sawah.

"Faktor ancaman penyakit saya lihat hanya sementara dan tidak memberi kebimbangan besar terhadap kawasan tanaman di jelapang padi negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program keusahawanan dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Johor Corporation (JCorp), Lembaga Pema-



Keratan akhbar BH semalam.

saran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), di sini, semalam.

### Guna teknologi tinggi

Sebagai penyelesaian jangka panjang, Salahuddin berkata, kementerianya akan menggalakkan penggunaan teknologi tinggi seperti internet untuk segala-galanya (IoT) serta kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan pengeluaran padi.

"Untuk mengatasi pengurangan sawah padi, kita akan meningkatkan penggunaan teknologi, IoT dan AI supaya kepel-

bagaian jenis padi dapat dihasilkan," katanya.

Laporan eksklusif BH semalam melaporkan industri padi di negeri jelapang padi dianggap kritikal berkaitan isu pengeluaran beras yang tidak mencapai tahap ditetapkan, peningkatan kos dan ancaman penyakit serius.

Jika keadaan ini berterusan, tidak mustahil dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, jumlah pesawah terus menurun dan kawasan tanaman di Kedah dan Perlis bakal mengecil sehingga menjejaskan pengeluaran padi.

## Kelemahan agensi punca keluaran padi berkurangan

**Pekan:** Kelemahan pengurusan agensi berkaitan pertanian dikatakan antara punca pengeluaran padi di Skim Paya Pahang Tua di sini berkurangan sejak beberapa tahun lalu.

Pengusaha mendakwa wujud kelemahan oleh agensi berkaitan seperti kegagalan menyelenggara kemudahan saliran dengan baik, tidak menyediakan air mencukupi dan gagal mengemas kini jadual penanaman secara sistematik.

Tinjauan mendapati jadual penanaman di papan tanda di sawah berkenaan kali terakhir dikemas kini pada Jun 2012 dan saliran dipenuhi rumput menyebabkan air sukar disalurkan ke sawah.

Seorang pengusaha sawah di Skim Pahang Tua, Mohd Derus

Abdul Latif, 59, mendakwa pengeluaran padi di sawahnya berkurangan hampir 50 peratus dan terpaksa menanggung kerugian.

### Alami kerugian

"Pada 2009 pengeluaran padi saya mampu mencecah hingga 1.5 tan bagi setiap 0.4 hektar sawah, tetapi pada musim lalu, saya hanya mendapat purata 600 kilogram (kg), saya rugi RM15,000.

"Dahulu saya ada 40 hektar sawah di sini dan Ganchong, tetapi terpaksa tukar kerana tidak tahan mengalami kerugian. Sekarang ini pun saya ingin mencari mereka yang ingin menyewa lot sawah kerana mahu fokus tanaman lain yang lebih menguntungkan," katanya ditemui di sini, semalam.

Mohd Derus berkata, sistem ada tetapi tidak beroperasi sepenuhnya, iaitu hanya lapan jam ketika waktu pejabat. Masa air sampai ke parit paling hujung sekitar empat jam dan sekiranya parit dipenuhi semak-samun masanya boleh bertambah kepada enam jam.

"Air baru masuk ke sawah, tetapi pam sudah dihentikan. Sepatutnya pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) minta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pam air 24 jam dan dikurangkan kepada 16 jam sehari apabila air separa tepu di sawah.

"Saya juga meminta diwujudkan pam pasir untuk mendalirkan muka sauk di sungai tempat loji pam apabila tiba musim kemarau," katanya.



Mohd Derus menunjukkan saluran air yang tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berkuasa di Pahang Tua, Pekan, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

# Cari segera kaedah lindung industri padi negara

Pendedahan akhbar ini mengenai pelbagai masalah melanda industri padi sehingga pengeluaran beras negara kini dianggap berada dalam keadaan kritikal, harus dipandang serius oleh kerajaan.

Kementerian bertanggungjawab serta pihak berkaitan perlu segera mencari jalan menangani isu yang membelenggu seperti kos pengeluaran padi serta pengurusan sawah yang didakwa sangat tinggi, selain penyusutan keluasan bendang selepas ia diambil untuk tujuan pembangunan atau perumahan.

Keselamatan makanan adalah isu yang kritikal sehingga kerajaan terdahulu pada 2009 pernah merancang menjadikan Makassar di Sulawesi sebagai Jelapang Padi baharu Malaysia, namun ia gagal direalisasi kerana Indonesia juga mahu menjamin pengeluaran beras untuk rakyatnya sentiasa mencukupi.

Jika negara jiran itu yang ada tanah dan sawah begitu luas serta kos buruh murah pun mengambil keputusan demikian, apatah lagi Malaysia. Sampai bila kita mahu terus bergantung kepada beras import terutama dari Vietnam dan Thailand dan apa akan jadi jika dua negara itu tidak membenarkan kita mengimport beras mereka lagi.

Headline	Ministry to collect big data to develop new type of paddy to increase production		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	21 Jan 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A11	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	584 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,484



## 收集大数据 研发新品种稻米增产

**新山20日讯** | 农业与农基工业部有意投入资源，研究如何利用人工智能及农业物联网科技（IOT）等新技术来收集大数据，以研发新品种稻米。

农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育透露，该部希望透过上述新技术，将国内稻米产量从70%提高至75%，以解决国内稻米产量不足的问题，不足部分则从国外进口。

他表示，他已在国家土地会议上提出上述问题，并提出相关建议，其中一项建议是州政府将稻田在宪报上公布，避免稻田面积未来因其他因素而缩小。

### 椰子或列国家农作物

他今日受邀见证柔佛机构与大马黄梨工业局及联邦农业销售局就「企业家计划课程」交换谅解备忘录后，召开新闻发布会，这么透露。出席嘉宾包括柔佛机构主席兼首席执行官拿督卡玛鲁查曼、高级副主席嘉玛鲁丁、联邦农业销售局主席依萨依斯迈、



嘉玛鲁丁（前排左起）和莫哈末凯鲁占里交换谅解备忘录，由卡玛鲁查曼（后排左2起）及沙拉胡丁阿育等见证。

该局总监拿督阿末依萨、大马黄梨工业局副总监（策划与发展）莫哈末凯鲁占里及柔佛宗教事务与教育行政议员阿米诺胡达等。

柔佛机构等三造将通过「企业家计划课程」，培训更多本土企业家，有关备忘录是加强彼此

的合作关系。

另一方面，沙拉胡丁阿育提出，农业与农基工业部有意将椰子列为国家经济农作物的议程，并开始着手进行研究。

他解释，椰子是一种具有经济潜力的农作物，他将在研究

后，今年内在内阁会议上提出，成立一个椰子工业局的单位来发展椰子工业。

此外，沙拉胡丁表示，国内的海产供应在来临农历新年足够。海产价格方面就得由国内贸易及消费事务部来监控。



Headline	Land for paddy plantation reducing		
MediaTitle	China Press		
Date	21 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A15	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	424 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,091



# 農長促州政府關注 稻米種植地日益減少



■ 沙拉胡丁阿育（前右2）参观农产品展示摊位。

（新山20日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，我国稻米种植地面对日益减少问题，州政府必须关注此事。

他说，土地属州政府权限，因此他建议州政府必须在宪报上颁布稻米种植地，以确保未来稻米种植地不会日益减少。

他今午出席柔佛机构（JCORP）、联邦

农粮销售局（FAMA）、马来西亚黄梨工业局（LPNM）三造交换讲忘录仪式后，在记者会上受询问时这么说。

## 將研發稻米新品種

三造交换讲忘录，是冀透过企业课程计划，栽培更多的本地企业家。

沙拉胡丁阿育说，他已在国家土地理事会上，反映稻米种植地日益减少和产量减少的问题。

他说，该部也将会透过人工智慧及物联网（IoT），研发稻米新品种，提国内

的升稻米产量。

“我们放眼在今年内提升稻米的产量至75%。”

此外，沙拉胡丁阿育说，该部将在今年内，把椰子与黄梨工业局做结合的计划带入内阁讨论，以便落实此计划，因为椰子已成为我国的新经济来源。

出席者包括柔佛机构总执行长拿督卡马鲁查曼、高级副主席嘉马鲁丁、联邦农粮销售局主席依萨伊斯迈、总监拿督阿末依萨、马来西亚黄梨工业局副总监莫哈末凯鲁占里、柔州宗教事务及教育委员会主席阿米诺胡达。

Headline	Makanan laut cukup: Menteri		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	21 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	363 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZLINA OTHMAN	AdValue	RM 2,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,628



# Makanan laut cukup: Menteri

**Beberapa jenis ikan dihalang diekspor buat sementara waktu**

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

**B**ekalan makanan laut terutama ikan dan udang mencukupi bagi menghadapi musim perayaan Tahun Baharu Cina awal bulan depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, malah, beberapa jenis ikan juga dihalang diekspor buat sementara waktu bagi memastikan bekalan itu terus mencukupi sehingga sambutan perayaan berkenaan.

"Saya telah diberikan taklimat bahawa bekalan kita cukup dan beberapa spesies ikan, kita telah halang daripada diekspor buat sementara waktu untuk memastikannya mencukupi sehingga sambutan Tahun Baharu Cina.

"Cuma dari segi kenaikan harga, kita serah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membuat kawalan serta pemantauan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan program Keusahawanan dan Pertukaran Memorandum Persefahaman antara Johor Corporation, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di Galleria@Kotaraya, semalam.

Dalam perkembangan



Salahuddin semasa melawat pameran di Galleria@Kotaraya, semalam.

lain, Salahuddin memberitahu, pihaknya merancang untuk menggabungkan tanaman kelapa bersama Lembaga Nanas Malaysia.

"Tanaman kelapa telah menjadi suatu agenda penting serta sumber rezeki ba-

haru, jadi kita akan bincang dan perhalusi cadangan itu (penggabungan) untuk dibawa ke Kabinet pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, ditanya tentang industri padi di Kedah yang berada dalam kriti-

kal berikutan pengeluaran beras tidak mencapai tahap yang ditetapkan, beliau mencadangkan pewartaan semua kawasan padi dilihat sebagai penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah keluasan tanah yang semakin menge-

info

**Kementerian cadang gabungkan tanaman kelapa bersama Lembaga Nanas Malaysia**

cil di negeri itu.

"Seawal memasuki kementerian ini, saya telah ambil tahu tentang isu pengurangan kawasan jelapang padi kita. Saya telah bawa dalam Mesyuarat Tanah Negara tentang agenda ini dan pihak negeri juga (kerajaan Kedah dan Perlis) perlu ambil perhatian.

"Saya sudah beri cadangan disebabkan tanah di bawah hak negeri, kerajaan negeri mesti ada usaha warta semua kawasan sawah ini supaya tidak mengecil bilangannya pada masa akan datang," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2019	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Bekalan makanan sempena Tahun Baharu Cina mencukupi



SERAH: Salahuddin (dua kiri) menyerahkan replika kunci usahawan motosikal roda tiga kepada Mohd Shah Samingon (dua kanan) pada Majlis Keusahawanan dan Pertukaran Memorandum Persefahaman antara JCorp, FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di Kotaraya dekat Johor Bahru, semalam. Turut sama Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation Datuk Kamaruzzaman Abu Kasim (kiri). — Gambar Bernama

JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa bekalan makanan terutama makanan laut mencukupi bagi perayaan Tahun Baharu Cina, awal bulan depan.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata berdasarkan apa yang ditaklimatkan kepada beliau, langkah awal sudah dilakukan Kementerian terabit bagi memastikan isu kekurangan bekalan tidak timbul terutama bekalan ikan.

“Saya telah diberikan taklimat bahawa bekalan mencukupi dan kita sudah halang daripada dieksport supaya ikan cukup untuk perayaan Tahun Baharu Cina,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) Johor Corporation (JCorp) dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), di sini semalam.

Mengenai kemungkinan berlakunya kenaikan harga barangan mentah semasa musim perayaan berkenaan, Salahuddin menyerahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk melakukan pemantauan.

Sementara itu, mengenai isu jelapang padi negara yang dikatakan terancam berikutan kos, ancaman penyakit serta keluasan tanah yang semakin mengecil, Salahuddin berkata ia perlu ditangani termasuk menguatkuasakan pewartaan tanah-tanah tanaman padi.

Beliau berkata kerajaan negeri disaran melakukan usaha bagi memastikan keluasan tanaman padi tidak terus mengecil berikutan disebabkan pembangunan perumahan atau industri.

“Dalam Mesyuarat Tanah Negara, saya sudah bawa agenda ini... pihak negeri juga (Kedah dan Perlis) perlu ambil perhatian dan saya sudah memberi cadangan disebabkan tanah di bawah hak negeri, kerajaan negeri mesti ada usahaewartakan semua kawasan sawah ini supaya ia tidak mengecil bilangannya pada masa akan datang,” katanya.

Menurut Salahuddin, ancaman penyakit hanyalah faktor sementara dan ia tidak memberi kebimbangan besar terhadap tanaman padi di kedua-dua negeri itu.

Mengenai MoU berkenaan, beliau berkata ia bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan berpotensi apabila JCorp akan bekerjasama dengan FAMA dan LPNM bagi memberi latihan, pendedahan serta bimbingan keusahawanan kepada peserta Kelas Rancangan Usahawan (KRU) membabitkan pelajar daripada 50 sekolah.

Menerusi KRU tersebut, JCorp menyasarkan melatih 1,500 bakal usahawan dengan nilai jualan terkumpul syarikat berjumlah RM220,000 tahun ini termasuk memberi bimbingan pengurusan kewangan, menangani kos, pemasaran serta stok. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2019	STAR	NEWS	4

# Spay and neuter strays to curb rabies, say activists

PERAK

By ILI AQILAH  
 iliaqilah@thestar.com.my

PET owners should vaccinate and neuter their pets as a preventive measure against rabies.

Noah's Ark Ipoh (NAI) founder Dr Ranjit Kaur Mendhir said the lack of awareness about rabies among pet owners was worrying.

"All owners should vaccinate their pets voluntarily," she said in response to recent rabies cases in Perak.

On Dec 31 last year, two family members in Taman Sri Kota Phase 2, Taiping, were bitten by their pet.

On Jan 14, Veterinary Services Department director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam announced that Taiping and Bukit Gantang were gazetted as rabies-infected areas.

Dr Ranjit added that some dogs

smuggled in from Thailand were not vaccinated.

"These dogs are mostly sold in Ipoh and Penang," said Ranjit, adding that instead of catching and culling stray dogs, the authorities should vaccinate and neuter them instead.

Ipoh Society for the Prevention of Cruelty to Animals (ISPCA) president Ricky Soong Wai Thyew, 35, said greater urgency was needed.

"We are dismayed that instead of sending their dogs for vaccination or getting them neutered, some irresponsible owners just dump their dogs.

"ISPCA usually receives seven to eight calls from pet owners who want to leave their animals at our shelter," said Soong, adding that they could not take any more animals.

"A few days ago, I received a call asking ISPCA to collect two dogs

because the owner is moving.

"He was willing to donate RM200 to us. I told him not to dump his dogs, but if he insists, neuter and vaccinate them first," said Soong, adding that stray dogs were the cause of the spread of infectious diseases like rabies.

"It can be prevented if owners neuter and vaccinate their dogs," he added.

On Jan 16, SPCA Malaysia president Datuk Dr Andrew Mohanraj suggested the Trap-Neuter-Manage-Return (TNRM) method was the best way to prevent the spread of rabies.

Under TNRM, rescuers will first trap the animals, neuter or spay them before releasing the strays back to the streets.

Canine Advisory Team Society Selangor also urged the authorities to adopt TNRM since it is cheaper than catching and culling.



A Veterinary Services Department personnel holding up the notice on rabies while making their rounds in Taiping. — filepic



# Adopt, don't neuter and release

THIS is in response to the article "SPCA suggests TNRM method to curb spread of rabies" that appeared in *The Star* on Jan 16 (online at [tinyurl.com/star-rabies](http://tinyurl.com/star-rabies)).

Four years ago, in 2015, Penang went into a sudden state of emergency when Lim Guan Eng, then Chief Minister, declared that rabies had been detected on the island. He then announced the preventative measures that would go into immediate effect, and what ensued was a situation that eventually escalated onto a global platform that positioned Penang front and centre in the eyes of the international animal wellbeing community:

Alongside a directive to all pet owners to immediately vaccinate their pets, he declared that the state would launch a massive culling exercise despite NGOs worldwide racing against time to ship vaccines and condemning the exercise as well as LGE himself as cruel and inhumane. LGE went ahead anyway.

Penang has since then remained rabies free.

No, I'm not saying that this is the way to go. What I am saying is that while I too was one of many who spoke out against LGE and swore never to visit Penang again, I lacked then what I have now: A greater understanding of why we sometimes have to be cruel to be kind. LGE was not trying to win a popularity contest. He was doing what he was elected to do: take care of his state.

Just when you thought it was safe to go outside again, rabies has struck in Perak, sending animal activists and government officers into a frenzy of right and wrong. And to compound matters, there exists now an Animal Welfare Act thrown into the mix. And everyone is using it as ammo. In whatever way they feel works for them.

The biggest debate surrounding the current crisis is the TNRM



(trap-neuter-return) management system and the Department of Veterinary Services' (DVS) stand to not recognise it as a viable option for controlling the outbreak.

TNR basically means that strays will be trapped and neutered or spayed before being released back to their point of origin.

Activists are arguing that culling is cruel, unnecessary, a waste of time and money, and is not the compassionate and humane thing to do. Alongside these arguments are claims that TNR has proven to be very efficient in not only reducing the stray population but also controlling disease outbreaks in other countries.

If a state declares a radius proximity originating from the point of a first confirmed case, for example, the current 10km radius in Taiping, all strays within this proximity will be culled as a preventive measure. What this means, sadly, is that if there are 500 strays culled within the radius and none of them had the virus, 500 lives were lost. Collateral damage or the lesser of two evils?

I know, that sounds horrible. But would you rather wait until you or your own pet got bitten and con-

tracted rabies before you said, "What are the authorities doing about this?"

The Animal Welfare Act clearly states that TNR does not honour the five basic principles that are the pillars of the act – an animal's need for a suitable environment, suitable diet, freedom to exhibit its normal behaviour patterns, to be housed with or apart other animals, and to be protected from pain, suffering, injury and disease.

Simply translated, it means that an animal should be placed in an environment conducive to its nature where it will receive regular and proper nutrition, lives free from manipulation, is socialized with, or protected from harm from other animals, and have its health and medical needs attended to.

Standing by these pillars, the DVS has every right to not go against its own legislation. For years, Malaysians have been demanding that animal rights be given due attention. Animal activists demand stricter punishments and enforcement for animal abusers and will not compromise on seeing justice served.

Take these points into consideration: Activists may name 100 coun-

tries that use TNR to control and manage its population and disease outbreaks but don't forget that cultural and traditional factors as well as different social norms and government legislations contribute to their success or failure.

Has it been proven to work in Malaysia? Have we had rabies outbreaks frequently enough to know for a fact what works and doesn't work? What is this "proof" based on when Malaysia doesn't have a single database for anything animal related, from stray population numbers to pet owners? I'm not saying that we shouldn't consider it. What I'm saying is let's make decisions based on facts and not feelings.

Another point: Strays, like pets, need to be vaccinated yearly to keep their health in check and prevent communicable diseases. What assurance is there that these strays will be at the same place they were returned to one year later? What assurance is there that all these strays will be trapped again and given their annual jab? Are we going to fit each one with a GPS? And what if the 100 strays you return today are only 50 next year? Where did the other 50 go? How would we find them?

I have yet to come across a single veterinarian or animal medical expert who can confirm that TNR is the way to go. Instead, it's psychiatrists and social advocates with no medical background who keep endorsing it. Would the DVS prescribe medication to a patient with a mental illness? I think not.

One of my most important beliefs as an animal advocate is "do your due diligence". Almost every rescuer or feeder I have met hasn't even read the Animal Welfare Act. For example, the Act states that anyone who rescues and arranges for a stray to undergo TNR becomes its legal owner. Why? Because if this rescue is one

day found to have contracted rabies, who will be held responsible? How are we to ensure a dog returned is no longer a threat to itself or society as long as it's alive?

And every time I have the chance to explain this to a rescuer or feeder, the typical response is, "If that's the case I don't think I want to rescue anymore".

If you take the time to understand why the DVS crafted this legislation, perhaps you'd be inclined to rescue even more. If you took the time to understand the how's and why's of the animal welfare act, you would see there is a bigger picture to appreciate. It's like a jigsaw puzzle. Just because one piece shows a big feminine butt doesn't mean the puzzle is a picture of Jennifer Lopez.

If we want our government to understand, to support, to see and to stand by our animal advocacy, working against them is not only counter-productive, it's unnecessary, a waste of time and money, and is not the compassionate and humane thing to do. Work WITH your own species before trying to save another. Compromise is key. And its free.

While I can relate to the compassion that animal activists have in doing their best to save lives, TNR is about more than just controlling a population or a disease. True compassion can only be exhibited if rescuers and feeders everywhere can guarantee the safety, health, nutrition and protection of an animal returned to the streets. The only way that can happen is if every single rescuer and feeder is assigned one stray to manage for the rest of the dog's lives. Or as they call it in some countries, adoption.

SEEMA SUBASH

Founder

The ALIVE Project – An Animal Initiative



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

## ***Pekerja rumpai laut ditahan***

**TAWAU** - Gagal mematuhi syarat lesen dikeluarkan Jabatan Perikanan kerana menggunakan pekerja asing, Pasukan Polis Marin menahan dua pengusaha rumpai laut bersama 22 pekerja asing dalam Op Gelora di kawasan laut Pulau Sidam, kelmarin.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, semua lelaki berumur lingkungan 22 hingga 52 tahun itu didapati tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Turut dirampas dalam operasi itu ialah 750 kilogram rumpai laut, selain enam jongkong kayu dan nilai rampasan keseluruhan

dianggarkan RM65,250," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, katanya, pada hari yang sama, pihaknya turut menahan lima lagi individu berumur antara 24 hingga 51 tahun di kawasan laut Sungai Melayu.

Menurutnya, ketika ditahan, seorang lelaki tempatan iaitu juragan bot membawa empat penumpang termasuk tiga wanita.

"Siasatan awal mendapati tiga daripada penumpang memiliki pasport tamat tempoh, seorang lagi tidak mempunyai dokumen pengenalan diri," ujarnya.

Katanya, mereka ditahan kerana disyaki terlibat aktiviti penyeludupan migran. - Bernama



Headline	Sasar lahir 1,500 usahawan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	21 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	27	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,830



**JAMALUDIN** (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Mohd Khairuzamri sambil disaksikan Salahuddin (tengah) ketika Program Keusahawanan dan Pertukaran MoU antara JCorp, FAMA dan LPNM.

## Sasar lahir 1,500 usahawan

**Johor Bahru:** Johor Corporation (JCorp) bakal melahirkan 1,500 usahawan dengan nilai jualan terkumpul syarikat RM220,000 tahun ini menerusi program Kelas Rancangan Usahawan (KRU).

Sasaran itu dapat direalisasikan selepas JCorp memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), semalam.

Menerusi kerjasama itu, JCorp akan bekerjasama dengan FAMA dan LPNM bagi memberi latihan, pendeda-

han serta bimbingan keusahawanan kepada peserta KRU terdiri dalam kalangan pelajar daripada 50 sekolah.

Majlis menandatangani MoU disempurnakan Naib Presiden Kanan JCorp, Jamaludin Md Ali bersama Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim

berkata, KRU diwujudkan hasil kerjasama strategik JCorp dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 2016.

Ia diasaskan bagi menerapkan nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar.

"Setakat ini, 1,980 pelajar sudah menerima manfaat daripada pelaksanaan program KRU yang merekodkan jualan terkumpul syarikat berjumlah RM483,000.

"Kewujudan kelas KRU di harap dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang mampu bersaing dalam dunia perniagaan," katanya.



DR AZHAR KASIM menunjukkan ayam kacukan hutan dan kampung semasa temubual bersama beliau mengenai penyelidikan ayam kampung kacuk dengan ayam hutan.



DR. AZHAR KASIM memeriksa tahap kesihatan Akar Putra di ladang ternakan ayam.

## Akar Putra bebas bahan kimia

Oleh AQILAH MIOR  
KAMARULBAID  
aqilah.mks@gmail.com

**K**EBIMBANGAN pengguna terhadap kesihatan merubah landskap pemakanan ke arah yang lebih sihat termasuk dalam pemilihan protein seperti ayam.

Selain ayam organik, rakyat Malaysia kini dilihat beralih untuk memilih ayam kampung dalam menu harian ekoran manfaat dari sudut kesihatan dan keenakan rasa yang tidak boleh diragui lagi.

Namun, menjadi persoalannya kini adakah pembeli menyedari ayam kampung yang di jual sama ada di pasar raya, pasar borong atau pasar malam adalah tidak asli kerana ia adalah ayam daging warna (*colour broiler*), dan lambakan ayam tersebut menimbulkan keraguan sedangkan landskap ternakan ayam kampung pada asasnya secara kecil-kecilan di kawasan luar bandar.

Bekas Pensyarah Fakulti Pertanian yang kini berkhidmat sebagai sukarelawan Amal Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Azhar Kasim berkata, ayam kampung memiliki ciri-ciri yang jauh berbeza berbanding ayam daging warna antaranya badan

bersaiz kecil, ramping dan ringan, telur bersaiz kecil dan berwarna cerah coklat serta dagingnya yang kenyal.

Namun istilah ayam kampung pada label di pasaran menyebabkan pengguna tidak menyedari mereka sebenarnya membeli ayam daging warna.

“Terdapat segelintir peniaga memanipulasi pembeli dengan menjual ayam yang bersaiz kecil dan ringan iaitu menyerupai ciri-ciri ayam kampung, namun sebenarnya mereka

menyembelih ayam tersebut pada usia yang muda,” katanya.

Permintaan tinggi terhadap ayam kampung membolehkan UPM menghasilkan baka ayam kampung melalui pembiakan terpilih ke atas ayam kampung yang biasa dipelihara.

Tambah beliau, ayam kampung tempatan secara semula jadi mempunyai darah ayam hutan yang membuatnya aktif, lasak dan rasa daging yang sedap.

Katanya, di peringkat



IMBAS.. Dr Azhar Kasim menunjukkan telur ayam yang diperam semasa menjalankan penyelidikan di UPM sebelum ini.

permulaan, induk betina dihasilkan melalui gabungan beberapa jenis ayam kampung yang dikumpulkan di seluruh negara. Kajian menjurus kepada menghasilkan induk betina yang tinggi pengeluaran telur serta saiz telur yang besar supaya anak yang tetas mempunyai kecergasan baik.

Azhar yang juga Pengarah Urusan Azil Green Resources Sdn. Bhd. memberitahu induk ayam kampung Akar Putra diternak secara intensif di dalam reban sepanjang masa supaya pengeluaran telur berada pada tahap tinggi.

“Kini ladang pembiakan yang terletak di Yan, Kedah boleh menghasilkan sebanyak 1,000 hingga 1,500 anak ayam dalam seminggu.

Penggunaan antibiotik yang tidak mudah dikawal dalam industri penternakan ayam memberi satu persepsi negatif dan memberi kesan buruk terhadap kesihatan pengguna.

Selain untuk tujuan rawatan penyakit, antibiotik digunakan bagi membantu meningkat pertumbuhan dan perkembangan secara cepat.

Justeru penggunaan antibiotik untuk menggalak pembersaran tentu sahaja

memberi keuntungan kepada pengusaha kerana tidak perlu menunggu waktu yang lama untuk disembelih. Namun kaedah berkenaan mendatangkan risiko kepada kesihatan manusia akibat residu antibiotik dalam daging kerana risiko pengusaha tidak patuh kepada garis panduan penggunaan antibiotik.

Atas faktor itu, ayam kampung Akar Putra menjalani proses yang lebih selamat iaitu melalui penggunaan mikroba efektif dan herba dalam kawalan penyakit.

Kata Azhar, herba seperti daun neem, daun ubi, kunyit dan bawang putih digunakan sebagai alternatif kepada antibiotik.

“Herba tersebut memberi hasil yang lebih baik jika digunakan bersama mikroba efektif kerana membantu meningkatkan kesihatan usus, membasmi cacing serta bakteria berbahaya,” jelasnya lagi.

Bellau menambah, ladang ternakan ayam kampung tersebut juga bebas antibiotik dan bebas bahan kimia sejak tahun lalu.

Nilai komersial yang tinggi terhadap ayam kampung menyebabkan peniaga





kenaan.

“

Terdapat segelintir peniaga memanipulasi pembeli dengan menjual ayam yang bersaiz kecil dan ringan iaitu menyerupai ciri-ciri ayam kampung, namun sebenarnya mereka menyembelih ayam tersebut pada usia yang muda.

mengambil kesempatan untuk memanipulasi pembeli melalui label 'ayam kampung'.

Justeru, beliau menasihati pengguna agar lebih berhati-hati ketika membeli serta mendapatkan ayam kampung yang asli melalui pengedar atau penternak yang sah.

Menurutnya, ayam yang di label sebagai ayam kampung di pasaran mungkin memiliki sebahagian ciri-ciri ayam kampung seperti badan bersaiz kecil, ramping dan ringan disebabkan melalui proses

penyembelihan ketika usia ayam masih kecil.

Ciri yang mudah bezakan ayam kampung asli dari ayam daging warna ialah tulang dada yang tinggi pada ayam kampung asli.

Biasanya peniaga atau penternak memilih untuk menyembelih ayam daging warna pada usia muda kerana membawa pulangan lumayan apabila menjual pada harga lebih tinggi dengan nama ayam kampung.

“Begitu juga dengan telur dari ayam hibrid penelur komersil yang berada di pasaran dengan label telur kampung yang dijual dengan nilai lebih tinggi. Pengguna perlu bijak memilih telur ayam kampung asli yang lebih kecil dan telur ini hanya boleh dibeli dari pengusaha ayam kampung asli atau pengedar.

“Saya berharap kerajaan lebih peka serta menguatkan kawalan agar perkara itu dapat dibendung serta dalam masa sama membantu meningkatkan pendapatan penternak ayam kampung asli di luar bandar.

“Kerajaan perlu memantau industri ternakan ayam agar pembeli tidak lagi diperdaya,” ujarnya.

## Betsol sumbang dana penyelidikan ayam kampung

**T**ERNAKAN unggas merupakan industri yang berskala besar di negara ini yang meliputi kategori ayam pedaging, ayam penelur, ayam kampung, ayam pemiak baka, itik dan puyuh.

Ternakan ayam juga merupakan salah satu industri yang maju dan menjamin pendapatan yang baik kerana sentiasa mendapat permintaan tinggi.

Menurut Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia pada ketika ini, kadar sara diri (SSL) dan kecukupan bekalan bagi daging tempatan mencecah hampir 100 peratus iaitu 98.2 peratus.

Ketika ini, eksport ayam dan telur ke Singapura mencecah 54 juta setiap tahun.

Pun begitu, masih terdapat kekurangan dan industri ternakan ayam yang perlu diberi perhatian berkaitan kelestarian industri tersebut.

Walaupun industri itu dikatakan berkembang pesat, namun kelestariannya masih tidak dapat dijamin memandangkan bahan makanan ayam masih lagi diimport sepenuhnya.

Justeru Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan syarikat Betsol Sdn. Bhd. dalam melaksanakan satu kajian berkaitan formulasi bahan makanan ayam kampung menggunakan *Hermetia illucens* (larva lalat askar hitam).

Larva lalat berkenaan berpotensi sebagai salah satu sumber protein dalam makanan ayam kampung.

Menerusi kerjasama

### INFO

- Penyelidikan bermula di UPM sejak 2005
- Mempunyai darah ayam hutan
- Perkataan "Akar" bersesuaian dengan warisan ayam hutan yang memang berakar umbi selama ini di UPM dan "Putra" mengambil sempena nama UPM.
- Boleh dipasarkan selepas 10 minggu dengan berat boleh mencapai 1.2 ke 1.5 kilogram.
- Berat ayam jantan dewasa boleh melampaui 2.5 kilogram.
- Dagingnya dikatakan enak
- Ciri-ciri istimewa Akar Putra ialah jangka masa pemeliharaan lebih singkat iaitu boleh disembelih seawal usia dua setengah bulan atau 75 hari.

tersebut, syarikat berkenaan menganugerahkan geran penyelidikan bernilai RM70,000 kepada kumpulan penyelidik daripada Fakulti Perubatan Veterinar UPM yang diketuai oleh Dr. Hasliza Abu Hassim bersama-sama ahli penyelidik yang lain iaitu Profesor Madya Dr. Azhar Kasim, Profesor Madya Dr. Mohd. Hezme Mohd. Noor, Dr. Lokman Hakim Idris dan Dr. Hafandi Ahmad.

Pengerusi Betsol Sdn. Bhd. Dr. Jeffery Keith Tomberlin berkata, larva lalat askar hitam merupakan makanan semula jadi bagi kebanyakan spesies ikan air tawar dan

ayam.

“Ini bermakna formulasi itu juga sesuai bagi mengatasi masalah sisa makanan secara global.

“Kajian menunjukkan langkah itu membantu mengurangkan jumlah sisa makanan dan karbon dioksida (CO2) sebanyak 50 peratus berbanding kompos,” katanya.

Belliau menyatakan demikian pada Majlis Penyerahan Replika Cek Bagi Geran Penyelidikan ini oleh syarikat tersebut kepada UPM yang diadakan di Serdang baru-baru ini.

Penyerahan replika cek geran penyelidikan tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan Betsol Sdn. Bhd., Jamiah Zainal Abidin kepada Prof. Dr. Goh Yong Meng yang mewakili Dekan Fakulti Perubatan Veterinar universiti berkenaan.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UPM, Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban dan Dr. Azhar.

Terdahulu satu seminar bertajuk Pembangunan Lestari Ke Arah Pendekatan Biodiversiti dan Keselamatan Makanan Dalam Industri Ternakan turut dianjurkan.

Antara penceramah dalam seminar tersebut adalah Dr. Azhar yang intipatinya berkaitan kemajuan dalam bidang pemakanan ayam kampung.

Selain itu, seminar turut mengengahkan manfaat penggunaan sumber asli untuk mengatasi masalah bahan makanan ayam secara global dan ceramah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Jeffery.



JAMIAH ZAINAL ABIDIN (empat dari kiri) menyerahkan replika cek geran penyelidikan kepada Goh Yong Meng (tiga dari kanan) di Serdang baru-baru ini. Hadir sama Dr. Azhar Kasim (dua dari kanan).